

MAHATHIR - PILIHAN RAYA

MUAR, 21 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AMAT RAGU DAN DUKACITA DENGAN PERANAN PEMERHATI KOMANWEL KERANA IA BERJAYA DIHASUT OLEH PENGESAN PILIHAN RAYA YANG SEMEMANGNYA DIKETAHUI BERAT SEBELAH.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH ITU KERAJAAN PERLU BERHATI-HATI KERANA BADAN KOMANWEL INI TELAH TERCEMAR, SEDANGKAN IA SEPATUTNYA BEBAS DAN MENJADI ORANG TENGAH.

KERAJAAN AKAN MENKKAJI SEMULA CADANGAN MENGAMBIL PEMERHATI KOMANWEL ITU, DAN BELIAU AKAN MEMBAWA SOAL ITU DALAM MESYUARAT KABINET AKAN DATANG, KATANYA SEMASA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN ORANG RAMAI DI SINI.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA KEMUDIANNYA, BELIAU BERKATA PENGESAN PILIHAN RAYA TELAH MENGHANTAR SURAT KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL YANG BARU, CHIEF EMEKA ANYAOKUK, DAN KOMANWEL TELAH MENGHANTAR DUA ORANG PEMERHATI KE SINI SELASA LEPAS, SEDANGKAN KERAJAAN BELUMPUN MEMBUAT PERMINTAAN SECARA RASMI KEPADA KOMANWEL.

+CUMA SAYA MENGHANTAR SURAT KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL, YANG KETIKA ITU SHRIDATH RAMPHAL, MENGENAI RANCANGAN PEMERHATI KOMANWEL DENGAN MENYEBUT TERLEBIH DAHULU SAYA MENDAPAT PERSETUJUAN DARIPADA PARTI-PARTI PEMBANGKANG. DAN KINI PARTI PEMBANGKANG TELAH MENYOKONG RANCANGAN ITU, TERMASUK SETIAUSAHA AGUNG, DAP ENCIK LIM KIT SIANG YANG BERSÉTUJU DENGAN GARIS PANDUAN TERTENTU,+ KATANYA. -- LAGI

2034MST 21 07 90

U B312 AAB

MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 MUAR

PERDANA MENTERI BERKATA KOMANWEL TIBA-TIBA MENGHANTAR DELEGASINYA YANG BERJUMPA TERUS DENGAN PENGESAN PILIHAN RAYA DAN KERAJAAN INGIN MENGELAK PERKARA INI KERANA IA MUNGKIN BERAT SEBELAH.

+SAYA KHUATIR SEKRETARIAT INI SUDAH DIPENGARUHI OLEH PENGESAN PILIHAN RAYA SEBAB MEREKA DATANG SEBELUM KERAJAAN MEMANGGIL DELEGASINYA. KERAJAAN BELUM MENYATAKAN SECARA RASMI PERSETUJUAN UNTUK MENDAPATKAN PEMERHATI KOMANWEL KE SINI,+ KATANYA.

SEPATUTNYA KUMPULAN KOMANWEL ITU TIDAK BERJUMPA DENGAN PARTI PEMBANGKANG UNTUK MENDENGAR PENDAPAT MEREKA KERANA IA LUAR DARIPADA BIDANG TUGAS KUMPULAN ITU, KATANYA.

MALAH YANG PENTING IALAH MEMASTIKAN PILIHAN RAYA BERJALAN DENGAN BAIK, ADIL, BERSIH DAN IKHLAS, TAMBAH BELIAU.

PADA PERSOALAN LAIN DARIPADA PEMBERITA, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BANYAK MENDAPAT SURAT DARIPADA PELBAGAI PIHAK DI NEGARA INI MENYATAKAN TIDAK PERLU ADA KUMPULAN PEMERHATI PILIHAN RAYA SEBAB PILIHAN RAYA SEBELUM INI TERNYATA ADIL.

APA YANG JELAS, KATANYA, TINDAK-TANDUK PENGESAN PILIHAN RAYA ITU IALAH MENUNJUKAN MEREKA MAHU MEWUJUDKAN SUASANA PILIHAN RAYA YANG HURU-HARA UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA MENDAKWA PILIHAN RAYA TIDAK SAH JIKA MEREKA TEWAS. -- LAGI

2044MST 21 07 90

U B316 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 3 MUAR

SEMENTARA ITU, PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA JUGA BERKATA KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN) MEMERLUKAN KEMENANGAN MAJORITI LEBIH DUA-PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG KERANA MAHU MENERUSKAN PEMBANGUNAN DENGAN BERANI TANPA GANGGUAN ATAU UGUTAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK.

BN BAGAIMANAPUN TIDAK MAHU KEMENANGAN SEMUA KERUSI +SEBAB TAKUT LUPA PADA DARATAN KERANA TIDAK ADA YANG AKAN TEGUR,+ KATANYA.

TAMBAHNYA, BN JUGA TELAH MEMBUKTIKAN KEPADA SEMUA KAUM YANG IA TELAH MEMBERI TEMPAT KEPADA WAKIL SEMUA KAUM DALAM KERAJAAN.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BARISAN ALTERNATIF YANG DIBENTUK OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG ADALAH SEMATA-MATA CUBA MENIRU KONSEP KERJASAMA DALAM BN, PADA HAL BARISAN ITU SEBENARNYA HANYA BARISAN TIRUAN UNTUK MENIPU RAKYAT DENGAN MEWUJUDKAN PAKATAN ANTARA PAS DAN DAP, MANAKALA PARTI SEMANGAT 46 MENJADI PELEKAT KEDUA-DUANYA.

PRESIDEN GERAKAN, DATUK SERI DR LIM KENG YAIK, MEMBERI JAMINAN PARTINYA AKAN MEMAINKAN PERANAN BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN BN DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

SEHUBUGAN ITU, BELIAU MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA BN BEKERJA KUAT UNTUK MENJAMIN KEJAYAAN BERSAMA, SAMBIL MEMINTA SEMUA PIHAK SUPAYA JANGAN MENDENGAR KHABAR ANGIN YANG DISEBARKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG. -- LAGI

2105MST 21 07 90

U B317 AAB
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 4 MUAR

BELIAU MEMINTA ANGGOTA BN SUPAYA MENGHENTIKAN POLITIK BERLEBIHAN KERANA INI BOLEH MEMBAWA KEHANCURAN.

KATANYA, KERJASAMA SEMUA PIHAK ADALAH PENTING KERANA DENGAN ITU BN BOLEH MEMERINTAH NEGARA KE TAHAP SEHINGGA MALAYSIA DIPANDANG TINGGI OLEH NEGARA LAIN.

PRESIDEN MIC, DATUK SERI S.SAMY VELLU, BERKATA PROGRAM PEMBANGUNAN NEGARA YANG DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN DI BAWAH BN, SEPERTI PEMBINAAN LEBUH RAYA TELAH MEMBERI NIKMAT BESAR PADA RAKYAT DAN MENYIFATKAN BN SEBAGAI SEBUAH KELUARGA BESAR .

DATUK SERI SAMY VELLU MEMINTA KESEMUA KAUM UTAMA SUPAYA BERSATU PADU DEMI MASA DEPAN GENERASI AKAN DATANG.

+MALAYSIA TELAH MENCATAT BANYAK KEMAJUAN DAN KITA MUNGKIN BOLEH MENGHANTAR ANGKASAWAN KE BULAN TIDAK LAMA LAGI SETELAH KITA MAMPU MELAHIRKAN RAMAI GOLONGAN PROFESIONAL DAN BERUPAYA MENGEKSPORT PROTON SAGA,+ KATANYA.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN 350,000 ANGGOTA MIC DAN 516,000 PENGUNDI INDIA AKAN MENYOKONG BN DALAM PILIHAN RAYA UMUM. -- BERNAMA
2107MST 21 07 90

0 0719 BAH